



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL PEMBANGUNAN MODAL  
INSAN MELALUI BOLA SEPAK TERHADAP  
KEMAHIRAN INSANIAH BELIA FELDA SEKITAR  
KOTA TINGGI

AMIRUL ASRAF BIN AB RAZAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI SULTAN PENDIDIKAN SULTAN  
IDRIS  
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI BOLA  
SEPAK TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH BELIA FELDA SEKITAR  
KOTA TINGGI

AMIRUL ASRAF BIN AB RAZAK

DISERTASI TESIS DKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI SULTAN PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

UPI/IPS-3/BO 31



**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN**  
**“[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]”**  
**DECLARATION OF “[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]”**

Tajuk/ Title: PEMBINAAN MODEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI BOLA SEPAK TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH BELIA FELDA SEKITAR KOTA TINGGI

No. Matrik/ Matric's No: M20191000782

Saya/ I: AMIRUL ASRAF BIN AB. RAZAK

Mengaku mebenarkan tesis (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat seperti berikut:-  
*acknowledged that my Thesis is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Dissertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The Thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.  
*The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori dibawah / *Please tick (√) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan ini dijalankan./ *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS**

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan pelajar/ Signature)  
 Supervisor)  
 Rasmi/Name & Official Stamp)  
 Tarikh:

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan Penyelia/ Signature of &  
 (Nama & Cop



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

✓

**Sila tanda (✓)**  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

Perakuan ini telah dibuat pada 6 April 2022

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, AMIRUL ASRAF BIN AB RAZAK dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN MODEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI BOLA SEPAK TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH BELIA FELDA SEKITAR KOTA TINGGI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. ZULAKBAL BIN ABDUL KARIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI BOLA SEPAK TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH BELIA FELDA SEKITAR KOTA TINGGI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SAINS KEJURULATIHAN SUKAN.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tarikh  
Penyelia

Tandatangan

## PENGHARGAAN

### **Bismillahirrahmannirahim**

Syukur alhamddulillah, pertama saya bersyukur kepadamu ya Allah kerana memberi kekuatan dan ketabahan yang dikurniakan untuk hamba mu menyempurnakan sarjana penyelidikan ini dengan jayanya. Dengan penuh dugaan dan cabaran sepanjang tempoh pengajian, terutama sekali dalam menghabiskan penyelidikan sewaktu pandemik covid-19 yang sangat mencabar bagi saya. Dengan izin-Nya, akhirnya penyelidikan ini dapat disempurnakan seperti yang dikehendaki. Dengan penuh rasa sebak kerana kejayaan saya menghabiskan penyelidikan ini dengan ketiadaan arwah bonda tercinta saya, Al fatihah. Noor Hayati binti Ghazali semoga bondaku di kalangan orang yang beriman amin. Walaubagaimanapun kejayaan ini, dapat mengembirakan ahli keluarga saya dan mertua saya En. Ab. Razak bin Hussin, En.Mazlan bin Ahmad dan Hasnah binti Miskon, serta tidak lupa kepada isteri tercinta Pn. Anifarana binti Mazlan yang juga merupakan tulang belakang saya, sentiasa memberi sokongan dan bantuan untuk menghabiskan penyelidikan ini. Terima kasih kepada adik beradik saya yang tidak putus memberi semangat kepada adik bongsu mereka ini. Sepanjang beradanya saya di Universiti Sultan Pendidikan Idris ini, mereka tidak berhenti-henti mendoakan, sokongan dan perhatian kepada saya sebagai seorang mahasiswa. Sokongan dan doa mereka yang membuatkan saya jadi adik yang kuat menghadapi cabaran selama 3 tahun setengah di universiti ini. Kepada penyelia yang disayangi saya, Dr Zulakbal bin Abd Karim, jasamu akan sentiasa dikenang. Terima kasih ke atas segala tunjuk ajar dan membimbing saya bagi menyempurna

penyelidikan ini. Dalam usaha saya menimba pengalaman semasa melakukan kajian ini.

Kecekapan dan pengalaman melakukan kajian beliau dapat saya mempelajari serta mencontohi cara dalam menghasilkan kajian ilmiah ini dengan kesahan dan kebolehpercayaan. Tidak lupa juga kepada Dr Norzaliza binti Othman sebagai pembantu penyelia terima kasih mengajar dan menegur kesilapan dan kelalaian saya dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI yang sentiasa menjadi sumber inspirasi kepada semua mahasiswa FSSKJ. Seterusnya kepada rakan sepejuangan, banyak membantu dan mengajar untuk menjalani penyelidikan ini dan terima kasih atas perkongsian ilmu.

Kepada rakan-rakan dan juga senior yang banyak membantu saya seperti fakhrol, halim, najib, Ramesh, saiful, afif, philis dan ramai lagi setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan. Mereka banyak membantu dan mengajar saya agar saya dapat menghabiskan penyelidikan ini dengan sempurna. Kepada tujuh peserta penyelidikan saya terima kasih kerana memberi kerjasama yang baik dan memudahkan kerja saya menghabiskan penyelidikan ini.

Akhir sekali terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menyempurnakan kajian ilmiah saya ini. Semoga Allah merahmati dan memberi kebahagiaan kepada anda semua amin.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti program pembangunan modal insan terhadap belia felda sekitar Kota Tinggi. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kajian kualitatif berdasarkan pendekatan *Grounded Theory* seperti yang dicadangkan oleh Strauss & Corbin. Kajian ini menggunakan temu bual semi berstruktur terhadap tujuh belia sebagai peserta kajian dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat atau data premier yang mencapai kepada objektif kajian ini. Selain itu, data daripada pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan dengan pasukan belia felda juga dianalisis untuk menyokong data utama. Pemerolehan daripada semua data tersebut telah dianalisis menggunakan kaedah *Thematic Analysis* seperti yang telah dicadangkan oleh Patton. Semua data perlu melalui proses pengkodan iaitu pengkodan terbuka, pengkodan paksi dan pengkodan pilihan yang terbentuk tema berkaitan dengan pembangunan modal insan yang diperlukan oleh belia-belia felda. Terdapat tujuh tema-tema yang terbentuk adalah kemahiran semangat berpasukan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran professional, kemahiran emosi/gaya hidup sihat, kemahiran integrity dan kemahiran pembelajaran berterusan hingga akhir hayat. Melalui temat-tema ini maka penyelidikan berjaya mencadangkan sebuah Model Pembangunan Modal Insan Melalui Bola Sepak Terhadap Kemahiran Insaniah Belia Felda Sekitar Kota Tinggi yang dapat membantu belia felda lebih berkesan dalam melahirkan belia felda yang berkualiti daripada aspek kemahiran insaniah. Diharapkan pihak-pihak yang terlibat di kawasan felda-felda dapat membentuk pusat sumber dan menggunakan model ini sebagai panduan dalam program pembangunan modal insan terhadap belia-belia felda.

# **DEVELOPMENT OF A HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT MODEL THROUGH FOOTBALL IN RELATION TO THE SOFT SKILLS OF FELDA YOUTH AROUND KOTA TINGGI**

## **ABSTRACT**

This research aim to identify human capital development programs for Felda's youth around Kota Tinggi. The research method used in this research is a qualitative study based on the Grounded Theory approach as suggested by Strauss & Corbin. This study uses semi-structured interviews with seven youth as study participants in this research to obtain information or premier data that achieves the objectives of this study. In addition, data from observation or document analysis related to Felda's youth team were also analysed to support primary data. The acquisition of all data was analysed using Thematic Analysis method as suggested by Patton. All data need to go through the coding process, which is open coding, axis coding and selective coding that from themes related to the development of human capital needed by Felda's youth. There are seven themes formed which are team spirit, communication skills, professional skills, emotional skill/ healthy lifestyle, integrity skill and continuous learning skills. Through these themes, the research successfully proposes a Human Capital Development Model Through Football to the Soft Skills of Felda's Youth Around Kota Tinggi that can help Felda's youth to be more effective in producing quality Felda's youth from the aspect of soft skill. It is hoped that the parties involved in the area can form a resource center and use this model as a guide in the human capital development program for the Felda's youth.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	7
	1.2 Penyataan Masalah	10
	1.3 Objektif Kajian	13
	1.4 Persoalan Kajian	14
	1.5 Kepentingan Kajian	16
	1.5.1 Belia Felda Kota Tinggi	17
	1.5.2 Masyarakat dan ibu bapa felda	17
	1.5.3 Organisasi belia felda	18
	1.5.4 Felda	18
	1.6 Batasan Kajian	18
	1.7 Definisi Operasional	20
	1.7.1 Kemahiran Insaniah	20
	1.7.2 Modal Insan	20
	1.7.3 Felda	21
	1.7.4 Bola Sepak	21
	1.7.5 Model	21
	1.8 Rumusan Kajian	22
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
	2.1 Pengenalan	23

2.2	Penyelidikan Aktiviti Kokurikulum	24
2.3	Kajian Berkaitan Dengan Kemahiran Insaniah	25
2.4	Penerapan Kemahiran Insaniah Menerusi Sukan	26
2.5	Penyelidikan Kualitatif Dalam Kejurulatihan Bola Sepak	27
2.6	Teori Lapangan	29
2.7	Kesan Positif Kepada Pemain Bola Sepak	30
2.8	Isu Isu Kejurulatihan Bola Sepak Malaysia	30
2.9	Bola Sepak	32
2.10	Kajian Pembangunan Modal Insan	35
2.11	Kesimpulan	37

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 39**

3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	40
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Teori Lapangan ( <i>Grounded Theory</i> )	45
3.3	Persampelan Kajian	45
3.4	Kerangka Konseptual Kajian.	48
3.5	Instrumen Kajian	49
3.6	Prosedur Menjalankan Kajian	52
3.7	Populasi Kajian	54
3.8	Pengumpulan Data	54
3.8.1	Temu Bual	56
3.8.2	Pemerhatian	57
3.8.3	Analisis Dokumen	59
3.8.4	Triangulasi Data	60
3.8.5	Diari Dan Catatan Harian	61
3.8.6	Penamatan Pengumpulan Data	62
3.8.7	Kesahan Data	63
3.9	Penganalisis Data	70
3.9.1	Pengekoden Terbuka ( <i>Open Coding</i> )	71
3.9.2	Teoritikal Sensitivity ( <i>Theoretical Sensitivity</i> )	72

3.9.3	Pengekodaan Paksi ( <i>Axial Coding</i> )	72
3.9.4	Pengekodaan Terpilih ( <i>Selective Coding</i> )	73
3.9.5	Proses (The Proses)	73
3.9.6	Pemerhatian Secara Visual ( <i>Conditional Matrix</i> )	74
3.9.7	Teori Persampelan (Theoretical Sampling)	75
3.10	Analisis Tematik ( <i>Thematic Analysis</i> )	75
3.11	Lokasi Kajian	76
3.12	Pembinaan Model	77
3.13	Kesimpulan	79
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>80</b>
4.1	Pengenalan	80
4.2	Peserta Kajian	82
4.3	Prosedur	84
4.4	Temu Bual	85
4.5	Pemerhatian/Kajian Lapangan	88
4.6	Analisis Data	95
4.6.1	Pengekodaan Terbuka ( <i>Open Coding</i> )	96
4.6.2	Pengekodaan Paksi ( <i>Axial Coding</i> )	97
4.6.3	Pengekodaan Pilihan ( <i>Selective Coding</i> )	98
4.6.4	Triangulasi Data	98
4.7	Dapatan Kajian	102
4.7.1	Kemahiran Semangat Berpasukan	105
4.7.2	Muafakat	105
4.7.3	Fokus matlamat	105
4.7.4	Hormat menghormati	106
4.7.5	Membanggakan keluarga dan felda	106
4.7.6	Kemahiran penyelesaian masalah	107
4.7.7	Kemahiran Komunikasi	109
4.7.8	Kemahiran Professional	110
4.8	Cabaran dan Kekangan	118
4.8.1	Tanggungjawab Kerja Hakiki Sebagai Pelajar	119

4.8.2	Pemmasalahan Kekurangan Ilmu Pengetahuan Berkaitan Sukan	121
4.8.3	Kekurangan Peralatan Dan Kemudahan Latihan	122
4.9	Kesimpulan	123
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>127</b>
5.1	Pengenalan	127
5.2	Perbincangan	127
5.2.1	Cabaran atau Kekangan	128
5.2.2	Pembangunan Modal Insan	131
5.3	Kesimpulan	134
5.3.1	Pembinaan Model	135
5.4	Cadangan	138
5.4.1	Pusat Sumber Dan Pengurusan pemain Di Kalangan Belia Felda	141
5.5	Penutup	144

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Objektif kajian, Persoalan kajian DAN Pernyataan masalah	15
3.1	Contoh Soalan Temu bual	48
3.2	Senarai Pakar untuk Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	53
3.3	Senarai Pakar untuk Kesahan dan kebolehpercayaan Data Analisis	62
3.4	Borang Pengesahan Panduan Temubual	63
3.5	Nilai Kappa dan Interpretasi tahap	64
3.6	Nilai Persetujuan bagi koefisien Kappa untuk instrument kajian	65
4.1	Latar Belakang Belia Belia Felda Peserta Kajian	80
4.2	Matrik Pengumpulan Data	81
4.3	Contoh Transkrip Temu Bual Peserta Kajian	84
4.4	Contoh Nota Lapangan Analisis Sesi Latihan	87
4.5	Contoh Nota Lapangan Analisis Perlawanan/Pertandingan	90
4.6	Contoh Kod Terbuka	96
4.7	Contoh Pengkodan Paksi dan Pengkodan Pilihan	97

## SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	46
4.1	Gambar Rajah Model Pembangunan Modal Insan	98



## BAB 1

### PENGENALAN

Bola sepak merupakan sukan yang menarik dan ia adalah sukan nombor satu di Malaysia (Nazeem, 2023). Terdapat ramai penyelidik telah membuktikan bahawa banyak faedah menyertai aktiviti bola sepak telah memberi impak positif kepada masyarakat terutamanya golongan belia di bandar mahupun di luar Bandar. Bola sepak juga boleh dijadikan sebagai kerjaya, pekerjaan dan perniagaan dianggap kenderaan tujuan lain dalam kehidupan manusia (Zulakbal Abd Karim, 2016). Selain itu, Bola sepak adalah salah satu aktiviti sukan yang paling terkenal di dunia melibatkan sekurang-kurangnya lebih daripada 265 juta orang baik lelaki dan perempuan bermain bola sepak untuk aktiviti rekreasi dan pertandingan (FIFA, 2022). Di samping itu, 4% daripada penduduk dunia telah terlibat secara aktif dalam permainan bola sepak. Sementara itu, pada 2019, jumlah pemain profesional telah meningkat kepada 128,983 pemain di seluruh dunia (FIFA, 2022). Oleh sebab itu, Semasa pandemik COVID-19, ketidakaktifan fizikal telah meningkat, dan pelbagai aktiviti sukan tidak di benarkan, dengan kemungkinan implikasi jangka panjang untuk kesihatan awam. Bola sepak ialah sukan paling popular di seluruh dunia, dan latihan bola sepak rekreasi membawa kepada kesan kesihatan yang baik dari segi fizikal dan mental. Bola sepak, bagaimanapun dianggap sebagai sukan menggunakan fizikal yang memerlukan berlakunya persentuhan antara pemain dengan pemain lain. Oleh kerana isu covid-19 kerajaan menghadkan pergerakan dan persentuhan dapat dipertimbangkan semasa pandemik COVID-19 (Kuok Ho, 2020). Kenyataan di atas berserta dengan angka-angka yang ditunjukkan hanyalah bertujuan untuk menggambarkan bahawa bola sepak

merupakan sukan yang amat popular kepada orang ramai dan telah memberi impak kepada kehidupan manusia sama ada sebagai pemain, jurulatih malah peminat.

Terdapat banyak penyelidik yang menunjukkan bahawa dari peringkat usia muda lagi pemain bola sepak perlu didedahkan dengan latihan bola sepak, yang mampu menjadi seolah - olah kenderaan yang boleh membawa pemain terlibat ke arah impak positif serta perbezaan dalam sikap, faktor persikataran, peluang dan penglibatan terhadap bola sepak dapat memberi pengaruh yang tinggi kepada belia untuk menyertai aktiviti bola sepak ini. Khoo Kay Kim (2017) menyatakan bahawa bola sepak bukanlah sekadar permainan, ia memerlukan seorang pemain untuk memiliki kebolehan untuk bukan sahaja berfikir secara positif dan secara intuitif malah memerlukan mereka berfikir secara cepat dan bertindak balas secara serta merta. Telah sekian lama, bola sepak dianggap berupaya menjadi kenderaan untuk tujuan lain dalam kehidupan (Zulakbal Abd Karim, 2016). Mengingat sifat hidup moden yang amat tepu, telah diakui secara meluas bahawa anak-anak masa kini perlu perkembangan baru kecekapan berkaitan media yang akan mempersiapkan mereka untuk hidup dan mengambil bahagian dalam dunia sekarang dan masa depan, mengubah cara belia belajar tentang dunia dan mencabar asas-asas pendidikan (Singer, 2019). Ini termasuklah kemahiran insaniah yang perlu dikuasai terutama remaja dan belia dalam bidang pendidikan dan kemahiran agar peluang pekerjaan lebih cerah, di sebab dunia pekerjaan semakin mencabar.

Modal Insan merupakan aset penting terhadap sesebuah Negara dan memperagakan peranan yang penting kepada pengekalan persaingan dan kelangsungan negara. Modal insan merupakan aset utama yang perlu dilaksanakan dengan baik agar melakukan sesuatu sumber kerja cemerlang dan berkualiti yang memberi manfaat kepada organisasi (Ahmad & Majid, 2018). Kementerian Pengajian

Tinggi telah membawa pendekatan yang menyeluruh mengenai Kemahiran Insaniah (KI) (*Soft Skills*) yang meliputi dari segi aspek-aspek kemahiran generik yang mengaitkan elemen kognitif dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan telus, semangat kerjasama berpasukan, komunikasi yang baik dan pembelajaran yang berterusan sehingga akhir hayat (Pati Anak Aleng, 2014).

Kementerian Pengajian Tinggi juga berhadapan dengan cabaran untuk melahirkan graduan universiti yang bersedia menghadapi perubahan dalam dunia kerjaya dan graduan perlu berdaya saing agar di beri peluang pekerjaan (Ahmad & Mohd Rhouse, 2016). Pengurusan universiti juga perlu memikirkan tentang kokurikulum mahasiswa agar kemahiran insaniah dapat diterapkan dan memenuhi kriteria industri-industri yang mahu mengambil perkerja graduan dari universiti (Stack & Fede, 2017). Lebih-lebih lagi majikan beranggapan bahawa graduan dari universiti

telah mempunyai kedua-dua kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah secara seimbang supaya kemenjadian mahasiswa dalam persekitaran kerjaya selepas bergraduan (Stack & Fede 2017; van Rooijen 2011; Ahmad & Mohd Rhouse 2016).

Kemahiran insaniah perkara yang dapat disumbangkan kepada industri dan majikan pada masa akan datang tidak kiralah dalam negara mahupun luar negara. Kemahiran insaniah yang diperkenalkan oleh KPT dapat digunakan kepada belia dan remaja felda melalui program yang di jalankan oleh penyelidik pembangunan modal insan melalui bola sepak boleh melatih belia mempunyai kemahiran insaniah yang cemerlang.

Faktor kemiskinan bandar berlaku apabila peluang pekerjaan yang terhad yang mewujudkan persaingan dalam usaha untuk mendapatkan gaji yang lumayan, termasuklah mereka yang dikategorikan sebagai individu yang mempunyai pendapatan yang bagus, tetapi terbeban dengan kos sara hidup yang melebihi jumlah pendapatan pada setiap bulan atau pendapatan perkapita. Penglibatan kerajaan dalam

pembangunan sukan bola sepak di kawasan luar bandar, program sosial dan Negara ideologi ini menuntut pemahaman baru bagaimana program sosial berstruktur dan dikendalikan, serta implikasi yang mungkin untuk pengurusan pasukan bola sepak. Pengaruh dan motivasi yang baik serta berterusan harus ditunjukkan dan diberikan bagi menarik minat kepada belia untuk meneruskan latihan bola sepak yang sangat-sangat memberikan nilai baik ini (Keegan et al., 2010). Ini kerana melalui penglibatan dalam pasukan bola sepak sistematik dan berstruktur dapat memupuk sifat positif belia

Lembaga kemajuan tanah persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) untuk pembangunan tanah dan penempatan semula (dibawah GSA-Group Settlement Areas – Akta 530) dengan objektif mengusahakan supaya tiada lagi kemiskinan melalui penanaman tanaman minyak sawit dan getah. Antara fungsi felda adalah untuk melakukan projek-projek pembaharuan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.

Dengan itu, felda terus menjalankan peranan utama dengan menyediakan beberapa kemudahan yang mencukupi dan moden di rancangan felda, memastikan generasi peneroka seterusnya mendapat asas pendidikan yang baik dan wajar termasuk berpendidikan tinggi kepada yang sesuai untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup belia felda dapat menjana pelbagai aktiviti ekonomi lain seperti program usahawan, tanaman-tanaman buah dan sayuran serta ternakan di samping merapatkan jurang antara bandar dan kawasan luar bandar. Penyelidik melihat felda mempunyai langkah untuk memupuk kemahiran insaniah dari mengiratkan hubungan sesama felda diseluruh Negara dengan mengadakan aktiviti sukan felda, ada dua kategori iaitu kategori pelajar peringkat universiti dan peringkat terbuka. Antara sukan felda yang dianjurkan seperti bola sepak, olahraga, bola tampar, sepak takraw dan pelbagai lagi.

Program sukan universiti anak-anak felda seluruh Negara yang dipertandingkan di antara universiti dengan syarat penyertaan hanya untuk belia-belia tinggal di kawasan felda. Dengan peranan felda ini, dapat membuka mata belia bahawa kepentingan belajar dan kemahiran insaniah perlu seiring. Menuju kearah Negara maju, belia merupakan aset penting di masa akan datang.

Fincher & Shalka (2009) menyatakan bahawa kesimpulannya kegagalan terhadap belia untuk mendapat pekerjaan disebabkan belia tidak mempunyai kemahiran insaniah (KI) yang menjadi keperluan terhadap setiap syarikat atau majikan. Oleh yang demikian, berdasarkan kesimpulan daripada perbincangan di antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan syarikat atau majikan di negara ini kebanyakan graduan universiti kurang mendapat tawaran kerja disebabkan tidak mempunyai kemahiran insaniah (KI) (Bernama, 2007). Jacobson-Lundeberg, (2016) kebolehpasaran graduan-graduan universiti dinilai dari segi aspek kemahiran insaniah iaitu kemahiran semangat kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran integriti, kemahiran professional dan banyak lagi. Sebagai graduan, selain pencapaian akademik yang cemerlang, graduan-graduan perlu memiliki kemahiran insaniah (KI) yang baik agar peluang mendapat tawaran kerja lebih banyak. Hal demikian kerana, pihak majikan lebih memerlukan setiap pekerja yang mempunyai kelebihan dari segi kemahiran insaniah agar setiap tugas dapat di selesaikan secara baik. Oleh itu, majikan tidak perlu memberi latihan dan perkhidmatan serta dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan (Hurrell, 2016).

Menurut (Mossman & Cronin, 2019) kebolehan berkerja secara berpasukan *teamworking* mudah mendapatkan peluang pekerjaan yang tinggi jika dibandingkan dengan pekerja yang berkerja secara sendiri. Hal ini kerana, dapat melahirkan kesepakatan antara rakan sekerja bagi mencapai matlamat yang diinginkan, selain itu

hubungan di dalam suasana semangat kerja berpasukan lebih baik untuk menghasilkan sesuatu output yang berkualiti serta boleh menjaga keseimbangan kesihatan psikologi (Ellis & Sevdalis, 2019). (Hedden et al., 2017) mementingkan kemahiran semangat kerja berpasukan mesti mengaplikasikan kepada belia sebagai modal insan yang menjadu memacu kemajuan Negara di samping menjadikan kenyataan hasrat mewujudkan generasi yang cemerlang dan kebolehpasaran yang tinggi, institusi-institusi dapat melaksanakan kemahiran insaniah seperti semangat kerja berpasukan terhadap graduan dalam program kokurikulum sukan terutama sukan bola sepak. Dari semangat kerja berpasukan sebaiknya mempunyai kepada belia atau pemain untuk mencapai matlamat utama menjaringkan gol serta memperoleh kemenangan perlawanan. Daripada suntikan semangat yang membangkitkan kepada belia felda untuk saling menghormati di rakan pasukan dan boleh menimbulkan elemen kemahiran berpasukan, belia juga perlu memiliki perasaan kekitaan yang baik. Elemen “aku dan kau” dikurangkan manakala elemen “kita dan kami” amat perlu diperbanyakkan (Saravanakumar, 2020)

Malaysia kini menuju ke arah Negara maju, dalam pembentukan Negara maju terdapat beberapa cabaran dan halangan yang perlu di hadapi, antaranya melatih masyarakat hidup harmoni, perbelanjaan ekonomi yang stabil dan penggunaan teknologi yang terkini. Bagi melahirkan belia modal insan kelas pertama yang perlu berdaya saing, berkemahiran, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam dunia pekerjaan zaman moden ini, maka kepentingan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan belia felda dapat dipertingkatkan (Ahmad Anuar & Esa, 2010). Universiti bukan sahaja melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi akademik atau ilmu pengetahuan teknikal, tetapi perlu menerapkan kemahiran insaniah yang tinggi dan baik supaya Negara dapat bersaing dengan Negara-negara

maju (Md Zain, Suja ‘, Ahmad Basri & Basri, 2007). Pihak universiti perlu menekankan aspek-aspek kemahiran insaniah kepada siswazah, ini kerana siswazah terlalu mementingkan kemahiran teknikal dan kurang mengambil berat kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah amat penting bagi memudahkan siswazah memohon pekerjaan, majikan-majikan zaman moden sangat menitik beratkan kemahiran insaniah terhadap pekerjaannya.

Menurut (Metzler, 2016), salah satu cabaran besar masa kini adalah untuk mendidik anak-anak dan belia untuk menjalani kehidupan yang aktif dan sihat secara fizikal sehingga mereka dewasa. Beliau menambah, untuk melakukannya, pertama kita harus memastikan bahawa keutamaan misi tertinggi untuk program pendidikan jasmani di sekolah untuk mempromosikan kesihatan awam melalui aktiviti fizikal. Penyelidikan oleh (Gilbert et al., 2001) mendapati bahawa masalah dengan tingkah laku dan prestasi pelajar belia felda adalah perkara biasa dan menimbulkan banyak cabaran kepada guru, ibu dan bapa. Semasa penyebaran wabak covid-19 telah memberi impak yang besar terhadap kehidupan manusia dengan pelbagai kekangan yang diwajibkan oleh pihak kerajaan, sektor ekonomi juga menurun ini disebabkan manusia tidak dibenarkan melakukan aktiviti di luar untuk bekerja dan membeli barang keperluan. Ini termasuklah aktiviti sukan bola sepak yang melibatkan sukan bersentuhan tidak dibenarkan, populariti sukan bola sepak satu dunia kenal terpaksa diberhentikan.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Tidak mudah untuk belia berdepan dengan dunia pekerjaan yang semakin mencabar, rumit dan kompleks keperluannya. Tidak cukup sekadar memiliki sekeping sijil, diploma atau ijazah belum tentu dapat kelebihan seseorang itu diterima atau

ditawarkan pekerjaan yang bergaji tinggi ataupun belia dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna (Ellora Sukardi, 2021) Belia perlu mempunyai kemahiran insaniah dan kepakaran berinteraksi untuk memudahkan berkerjasama dengan pasukan, dunia pekerjaan amat perlu mempunyai sifat berkerjasama bagi menjayakan sesuatu program ataupun projek yang ingin dihasilkan. Selain itu, belia yang baru graduan juga boleh mencadangkan idea-idea yang bernas kepada majikan, dari itu penyelidik menjelaskan kemahiran bekerjasama di antara pekerja baru dan lama demi menjaya projek atau program. Felda telah menubuh kelab bola sepak Felda United Fc yang beraksi di Liga Super, Felda United Fc merupakan sebuah pasukan yang kuat suatu ketika dahulu dan sehingga kini. Pada tahun 2020, Felda United Fc telah membuat syarat baru iaitu pemain dalam pasukan hendaklah dari kalangan anak atau cucu felda. Dengan itu, felda di daerah Kota Tinggi mempunyai penduduk yang aktif bersukan seperti bola sepak dengan menjalani kajian ini penyelidik dapat menerapkan modal insan yang baik bagi membantu pembangunan bola sepak di felda di daerah Kota Tinggi. Selain itu, kemahiran insaniah ini dapat belia gunakan untuk menghadapi cabaran untuk berkerja kerana mempunyai kemahiran berkerjasama yang baik dan tiada masalah dalam berinteraksi dengan pelbagai orang ahli masyarakat.

Belia menghadapi cabaran dalam kebolehpasaran pekerjaan, ini seolah-olah tiada jalan pengakhiran. Hal demikian kerana, kebanyakan majikan atau syarikat memerlukan pekerja yang berpengalaman dalam perlbagai bidang (Klingler & Marckmann, 2016). Kebolehpasaran kerja kepada graduan pada zaman moden ini lebih bersifat dinamik oleh di sebabkan kemajuan teknologi tinggi dan kepelbagaian keinginan oleh majikan. Hal ini demikian kerana, menjadi salah satu punca peratus pengangguran yang tinggi dan kebanyakan pekerjaan yang di tawarkan tiada kaitan dengan kursus pengajian graduan di universiti(Wajim, 2020). Oleh itu, belia perlu

mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi bagi berdaya saing dengan pekerja yang jauh lebih berpengalaman agar mudah diterima pekerjaan di zaman moden.

Kesan program pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap belia sekitar felda Kota Tinggi. Adalah belia perlu mempunyai kemahiran insaniah untuk menjalin hubungan baik dengan masyarakat, bertanggungjawab, bekerjasama dengan pasukan, mempunyai adab sopan dengan orang yang lebih tua dan mempunyai ramai kenalan (Siti Kausar & Mohd Noor, 2021). Selain itu, belia dapat menggunakan kemahiran insaniah di tempat kerja atau belajar supaya belia dikalangan yang disukai oleh masyarakat sekeliling. Kemahiran insaniah juga mampu mengurangkan aktiviti – aktiviti yang tidak berfaedah serta boleh merosakkan masa depan belia seperti melepak, merempit, menghisap dadah (Hussin, 2016). Dengan aktiviti sukan juga dapat mengurangkan peratus jenayah yang berlaku di kalangan remaja dan belia di Malaysia.

Dalam penyelidikan ini, pemain dalam kalangan pelajar belia felda memberi gambaran awal bahawa pelajar tidak menjadi masalah untuk berlatih dalam pasukan bola sepak, maka kajian ini menggunakan pendekatan seperti teori lapangan atau *Grounded Theory* yang sesuai menggambarkan situasi tersebut. Penyelidik merupakan seorang jurulatih pembangunan bekerja dengan Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ). Patton (2015; 2002) menyatakan bahawa cara mengumpul data boleh dilakukan dengan tiga cara melalui temu bual, pemerhatian dan nota lapangan. Maka dalam penyelidikan ini, penyelidik juga melibatkan diri dalam sesi latihan secara konsisten untuk mengumpul data melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang berkaitan. Kaedah pengumpulan data ini telah dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab 3, Metodologi kajian. Selain itu, penyelidik merujuk beberapa kajian yang menggunakan kaedah kualitatif seperti Zulakbal, Najib dan Ali (2018),

Zulakbal, Amalina dan Ali (2018), Zulakbal (2016), Mohar Kassim (2014) dan Light (2006) supaya menjadi panduan kepada penyelidik untuk melengkapkan penyelidikan ini.

## 1.2 Penyataan Masalah

Antara masalah-masalah yang boleh dikenalpasti semasa menjalankan penyelidikan ini, terutamanya terhadap belia yang tiada kesedaran mengenai kepentingan bahawa penglibatan belia felda dalam program kemahiran insaniah melalui bola sepak. Belia mempunyai pemikiran bahawa aktiviti bola sepak tidak dapat membantu dan mengubah kehidupan belia dari segi sumber pencarian dan mampu memupuk kemahiran insaniah dalam bidang pekerjaan dan pelajaran. Selain itu, belia juga menganggap aktiviti bersukan seperti bola sepak membuang masa dan tidak berfaedah, belia lebih suka aktiviti seperti melepak dan merempit (Hussin, 2016). Belia felda zaman sekarang lebih kepada suka meminta dari ibubapa berbanding belia felda dahulu yang mampu berdikari untuk memajukan diri dan keluarga. Belia tidak sedar aktiviti sukan seperti bola sepak mampu dijadikan sebagai kerjaya atau aktiviti yang dapat menjaga kesihatan emosi dan rohani. Ekaterina Glebova & Michael Desbordes mengatakan sebanyak 69% peminat sukan seluruh dunia mengatakan perkembangan teknologi komunikasi telah menambahbaik pengalaman mereka menonton sukan di platform media sosial. Werder (2018) juga bersetuju dengan kepentingan bidang komunikasi sukan dan mengatakan bahawa komunikasi sukan merupakan bidang kajian yang penting dalam disiplin komunikasi dan mempunyai hubungan interdisiplinari yang rapat dengan bidang kajian lain seperti pengurusan sukan, sosiologi sukan, psikologi sukan, pentadbiran dan pengurusan sukan, komunikasi massa dan

kewartawanan. Akan tetapi, sumber rujukan di peringkat kajian sarjana mengenai komunikasi sukan adalah terhad. Menurut Wei (2021) dalam jurnal mereka bertajuk *Development of Communication and Sport in China Based on Mapping of Knowledge Information Visualization* mengatakan bahawa kajian di dalam bidang komunikasi sukan di China semakin meningkat dan mendapat perhatian komuniti akademik dan pelbagai pencapaian telah diperolehi. Komunikasi merupakan salah satu kemahiran insaniah, ianya menjadi aspek penting kepada belia felda masa akan datang yang bakal memimpin masa depan Negara.

Selain itu, kajian mengenai penglibatan belia di felda terhadap aktiviti sukan bola sepak juga kurang dilakukan oleh penyelidik sebelum ini. Oleh disebabkan kurangnya kajian yang dilakukan, maka kurang juga instrumen-instrumen kajian yang dicipta untuk digunakan oleh penyelidik, mengenai kurang keupayaan penglibatan dalam bola sepak untuk membangunkan kemahiran insaniah individu belia di felda pada masa kini dan masa akan datang. Melalui kesedaran ini, maka timbullah keinginan oleh penyelidik untuk mengkaji mengenai penglibatan belia di kawasan felda - felda di Kota Tinggi dalam penglibatan bola sepak yang lebih serius. Kurang pengetahuan kepentingan aktiviti sukan dalam kemahiran insaniah, maka dengan kesedaran ini penyelidik berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah yang terhadap belia felda sekitar Kota Tinggi. Selain itu, pandemik Covid-19 yang mula melanda dunia sejak Disember 2019 telah mengubah seluruh aspek kehidupan manusia. Di Malaysia, pandemik ini menyebabkan semua aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah yang melibatkan guru dan murid secara bersemuka ditangguhkan (Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 21 Oktober 2020). Hal ini memberi cabaran baharu kepada pengurusan kokurikulum di sekolah apabila aktiviti kokurikulum wajib dilaksanakan secara norma baharu. Dunia sekarang yang *volatile*,

*uncertain, complex, ambiguous* (VUCA) memerlukan pemimpin sentiasa bersedia, peka terhadap perubahan dan dinamik dalam pengurusan dan kepimpinan. Semasa berlakunya sesuatu di luar jangkaan, pemimpin perlu cekap dalam mengadaptasi perubahan yang mendadak, menambahbaik proses membuat keputusan (*decision making*) secara kreatif, membuat keputusan melalui tindakan kolaboratif (*collaboration*) dan boleh dipercayai (*trustworthiness*) (Drucker, 2017). Kokurikulum boleh membantu membentuk kemenjadian murid, maka perlaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menjadi satu perkara yang wajib. Melalui aktiviti kokurikulum ini murid dapat mengukuhkan kemahiran insaniah, seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi, bertanggungjawab dan kemahiran kepimpinan seperti yang dihasratkan dalam Aspirasi Murid (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Masalah yang dihadapi oleh belia zaman sekarang yang sering melakukan aktiviti yang tiada halatuju seperti merempit, menghisap dadah dan membuang masa dengan melepak tempat yang tidak berfaedah, walaupun bagaimanapun mereka mempunyai satu minat iaitu bermain bola sepak (Ismail & Borhanuddin, 2015). Kerisauan ibu bapa terhadap anak-anak belia felda yang suka melakukan aktiviti tidak berfaedah yang sering berlaku, maka dengan menyertai program pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah dapat mengelakkan belia felda dengan aktiviti tidak berfaedah. Oleh di sebabkan kurang kajian sebelum ini mengenai sesebuah model yang boleh digunakan oleh belia felda mahupun pemimpin di felda yang mana bola sepak boleh di gunakan untuk memupuk kemahiran insaniah belia-belia felda. Kepelbagaian dari aspek enrolmen belia, persekitaran tempat kerja, masalah di tempat kerja dikatakan menjadi penyebab kepada pemimpin belia memerlukan masa yang lama untuk membiasakan diri (Mohd Yusof Zulkefli, 2024).

Sesungguhnya, jika pemimpin belia felda ini sudah berpengalaman, perkara ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk diuruskan, terdapat cadangan kajian masa depan untuk mengkaji aspek pengalaman yang dikatakan menjadi pemangkin kepada perkembangan kepimpinan pemimpin felda (Mohd Yusof Zulkefli & Ireena Nasiha Ibnu ,2024). Oleh yang demikian pengkaji menyahut cabaran tersebut agar skop pembangunan kepimpinan ini dapat dilihat secara lebih meluas dan menyingkap aspek pengalaman masa lalu yang dikenali pra perkembangan dalam kajian ini yang penting untuk pembangunan kepimpinan seorang pemimpin felda. Pemimpin mampu dijadikan model yang terbaik kepada belia felda dalam program pembangunan modal insan melalui bola sepak, dari segi tanggungjawab, kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi. Oleh sebab itu, kajian ini dapat membantu pihak tertentu membimbing belia ini bermain bola sepak serta membentuk model yang boleh menjadi panduan kepada pemimpin felda.

Justeru dengan itu, penyelidik melihat masalah-masalah yang di hadapi oleh belia di felda mengenai kemampuan penglibatan dalam program pembangunan modal insan terhadap kemahiran insaniah melalui bola sepak menjadi suatu cabaran yang perlu di pikul oleh jurulatih.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan melihat golongan belia dapat memupuk program pembangunan modal insan melalui aktiviti sukan bola sepak terhadap kemahiran insaniah di kawasan felda daerah Kota Tinggi. Oleh itu, terdapat beberapa objektif penting untuk memajukan sukan bola sepak di felda Kota Tinggi ini

Kajian ini dapat memberi kesederan mengenai kemahiran insaniah kesan positif faktor penglibatan belia felda dalam daerah Kota Tinggi Johor terhadap aktiviti bolasepak. Penglibatan belia dalam sukan bola sepak mampu mengubah gaya kehidupan belia dari segi menjadi lebih bertanggungjawab, berkepimpinan, menepati masa dan bola sepak juga merupakan boleh di jadi kerjaya.

Selain itu, mampu memberi pendedahan untuk memupuk pengetahuan remaja dan belia felda tentang kepentingan menyertai aktiviti sukan bola sepak melalui kemahiran insaniah dalam kehidupan pekerjaan belia felda. Disiplin dalam sukan bola sepak menjadi keutamaan bagi membentuk sebuah organisasi sukan yang cemerlang.

Seterusnya, obejektif kajian ini hasil keberkesanan yang diperolehi daripada belia felda daerah Kota Tinggi yang berminat dalam aktiviti sukan bola sepak. Dari keberkesanan itu boleh membentuk model yang boleh menjadi panduan kepada pemimpin felda sekitar daerah Kota Tinggi.

Semua objektif yang dikemukakan ini menyatakan kemahiran insaniah apabila belia-belia felda bertindak mengikut masa, menghormati orang lain, disiplin dan berkerjasama di antara pemain dalam pasukannya.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada objektif dan kepentingan kajian, persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian adalah seperti berikut:

Apakah kesedaran mengenai kepentingan kemahiran insaniah mampu memberi kesan positif terhadap faktor penglibatan belia felda dalam aktiviti bola sepak Daerah Kota Tinggi Johor dalam bola sepak?

Apakah dapat dibentuk kemahiran insaniah dengan penyertaan belia felda dalam program pembangunan modal insan melalui bola sepak, terhadap kemahiran insaniah belia?

Apakah keberkesanan dalam membentuk model yang diperolehi oleh belia felda daerah Kota Tinggi yang berminat dalam aktiviti bola sepak dan boleh menjadikan sebagai panduan kepada pemimpin masa akan datang?

Semua persoalan yang dikemukakan ini boleh bertindak balas dengan baik sekiranya mempunyai kemahiran insaniah terhadap individu pasukan bola sepak.

#### Jadual 1.1

##### Objektif kajian, Persoalan kajian dan Penyataan Masalah

Bil.	Objektif kajian	Persoalan kajian	Penyataan masalah
1	Memberi kesedaran kepentingan kemahiran insaniah.	Apakah kesedaran kepentingan mengenai kemahiran insaniah?	Tiada kesedaran mengenai kepentingan kemahiran insaniah.
2	Pengetahuan kepentingan sukan bola sepak terhadap kemahiran insaniah.	Apakah dapat membentuk kemahiran insaniah melalui bola sepak?	Kurang pengetahuan kepentingan sukan bola sepak membentuk kemahiran insaniah
3	Membentuk model menjadi panduan kepada pemimpin.	Apakah keberkesanan dalam membentuk model sebagai panduan?	Kurang kajian mengenai sesebuah model memupuk kemahiran insaniah belia felda.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini kepada anak-anak felda adalah untuk mengetahui pola laluan pembangunan sukan bola sepak di kawasan felda-felda dapat membantu jurulatih mahupun bakal pemain yang ingin menjadikan sukan sebagai sesuatu kerjaya. Sebagai contoh kelab Felda United pada masa ini hanya memerlukan pemain yang berketurunan daripada keluarga felda, ini bermakna peluang kepada belia-belia felda untuk beraksi di peringkat yang lebih tinggi lebih cerah (Husin et al., 2017). Dapatan kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada pentadbir sukan seperti persatuan sukan dan majlis sukan negeri untuk merancang program pembangunan dan latihan dalam sukan bola sepak secara berkesan kepada belia felda di daerah Kota Tinggi dan semua belia felda di seluruh Negara.

Usaha untuk membangunkan pemain belia amat perlu. Ini kerana kecemerlangan negara dalam sukan bola sepak bermula dengan kecemerlangan yang berterusan dari peringkat sekolah, daerah dan negeri, seterusnya penglibatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sukan adalah satu bidang yang dapat membantu melengkapkan pelajar menjadi insan yang seimbang dan sempurna dari segi kokurikulum dan pembelajaran (ANUAR DIN et al., 2015).

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai suatu pendorong dan panduan kepada jurulatih, persatuan mahupun pemain itu sendiri bagi mengenal pasti pola laluan perkembangan bola sepak di kawasan felda-felda. Kajian ini penting kepada belia masyarakat serta ibu bapa dan organisasi golongan remaja dan belia felda di daerah Kota Tinggi.

### 1.5.1 Belia Felda Kota Tinggi

Belia felda itu terdiri daripada kalangan belia berumur 13 hingga 17 tahun, yang menetap di kawasan felda sekitar Kota Tinggi Johor. Menurut Samantha (2020) menyatakan aktiviti sukan belia dapat meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran-kemahiran ini juga penting untuk belia selepas tamat persekolahan dalam sektor perkerjaan. Selain itu, belia boleh mempelajari dan merasai erti kemahiran insaniah melalui program pembangunan modal insan melalui bola sepak. Sebagai contoh kemahiran kepimpinanan, bekerjasama dengan rakan sepasukan dan kemahiran komunikasi.

### 1.5.2 Masyarakat dan ibu bapa felda

Kerisauan masyarakat dan ibu bapa felda mengenai masalah aktiviti belia zaman sekarang yang lebih cenderung kepada aktiviti tidak bermoral. Oleh sebab itu, masyarakat dan ibu bapa felda perlu memberi sokongan yang tinggi untuk melibatkan anak-anak belia felda dalam program pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah, agar dapat mengurangkan kes belia felda yang melakukan aktiviti tidak berfaedah contoh aktiviti tidak berfaedah merempit, melepak, mencuri dan mengambil dadah kepada aktiviti yang mampu mengubah diri dari dengan penggunaan kemahiran insaniah yang diterapkan dari program latihan bola sepak.

### 1.5.3 Organisasi belia felda

Organisasi belia felda ini perlu memainkan peranan penting bagi menyokong minat belia di felda Kota Tinggi, organisasi yang dimaksudkan seperti ketua kampung dan majlis daerah. Oleh hal yang demikian, organisasi agar memberi sumbangan dan penajaan dalam setiap aktiviti serta program yang telah di anjurkan belia felda bagi menerapkan pembangunan modal insan.

### 1.5.4 Felda

Felda juga perlu memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti bola sepak belia felda. Dengan sokongan yang diberi oleh pihak felda mampu mengurangkan aktiviti dan gejala tidak berfeadah yang sering berlaku kepada belia felda. Justeru itu, felda juga perlu menganjurkan pelbagai program sukan atau kerohanian bagi memupuk kemahiran insaniah kepada para belia felda di daerah Kota Tinggi. Hal ini dapat dibukti dengan penumbuhan kelab bola sepak dan mengadakan pertandingan bola sepak dari peringkat belia.

## 1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di sekitar felda daerah Kota Tinggi. Beberapa bilangan belia dan remaja terlibat dalam kajian ini untuk di temubual. Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa batasan kajian yang perlu dikenal pasti penyelidikan in:

1. Penyelidik merupakan instrumen utama yang telah terlibat dengan program pembangunan modal insan belia melalui bola sepak di felda Kota Tinggi.
2. Kebanyakan belia tidak memberikan kerjasama untuk membantu penyelidik menjalankan kajian di kawasan mereka. Dengan itu, penyelidik perlu

mengambil masa yang lama untuk mencari belia yang dapat memberi kerjasama dan membantu bagi menjalankan kajian.

3. Ketepatan penyelidik ini banyak bergantung kepada kejujuran dan ketelusan semua responden semasa menjawab soal selidik yang telah diberikan kepada responden secara sukarela dan tiada sebarang paksaan dalam erti kata lain kejujuran responden adalah luar dari bidang kuasa penyelidik keatas jawapan yang diberikan.
4. Kajian ini hanya sesuai dilakukan di felda Kota Tinggi ini kerana penyelidik telah terlibat secara langsung dengan penduduk felda daerah Kota Tinggi. Cabaran belia dan remaja felda Kota Tinggi yang sering terlibat dengan kes merempit, dadah dan juga kes jenayah yang sebagainya. Oleh itu kajian ini hanya sesuai di jalankan felda Kota Tinggi.
5. Kajian ini tidak sesuai dijalankan di felda lain kerana terdapat beberapa cabaran dan kekangan lain berdasarkan persikitaran, pengurusan, budaya setempat, ekonomi dan sebagainya yang tidak sama dengan kawasan felda daerah Kota Tinggi.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 mencatatkan sebanyak 5342 orang remaja terlibat dengan jenayah dan berdasarkan kepada laporan juga menunjukkan bahawa majoriti penghuni di Pusat Pemulihan dan Pelindungan Akhlak adalah terdiri daripada remaja Melayu yang beragama Islam. Seterusnya, belia yang melanggar norma masyarakat setempat inilah dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini melibatkan remaja yang masih bersekolah atau belia maka mereka ini dikategorikan sebagai bertingkah laku delinkuen (Aisyah, Meriam & Nurzatil, 2022). Selain itu, kes remaja hamil luar nikah, Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan sebanyak 3,938 kes pada tahun 2016

dan 3,694 kes pada tahun 2017. Ada sedikit penurunan pada tahun 2018 sebanyak 2,873 kes dilaporkan (Kementerian Kesihatan Malaysia 2019). Kes-kes ini membuktikan terlalu banyak aktiviti tidak bermoral yang melibatkan belia-belia di kalangan yang masih bersekolah.

## 1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional dalam penyelidikan ini:

### 1.7.1 Kemahiran Insaniah

Kemahiran insaniah merangkumi aspek- aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Kemahiran Insaniah adalah antara elemen penting dan amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global serta pesat dengan perubahan teknologi. Terdapat beberapa elemen utama seperti kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran berkumunikasi dan pelbagai lagi.

### 1.7.2 Modal Insan

Modal insan ialah mempunyai sahsiah yang terpuji dan menghayati sistem kepercayaan berfalsafah serta berprinsip. Selain itu, berintegriti bermaksud mempunyai wawasan, perancangan yang tersusun, keterampilan diri, dan akhlak yang mulia serta beradab.

### 1.7.3 Felda

Felda di Kota Tinggi terdapat beberapa kampung contohnya Gugusan Adela, Gugusan Air Tawar, Sungai Mas dan banyak lagi. Felda suatu agensi yang memproses hasil tanah penduduk felda tersebut, selain itu terdapat rumah tersusun yang mampu merapatkan hubungan sesama jiran tertangga dan saling membantu satu sama lain disini timbullah kemahiran insaniah terhadap belia dan penduduk felda.

### 1.7.4 Bola Sepak

Bola sepak merupakan sukan nombor satu di dunia dan ia juga merupakan sukan nombor satu di Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2013). Kenyataan di atas berserta dengan angka-angka yang ditunjukkan hanyalah bertujuan untuk menggambarkan bahawa bola sepak merupakan sukan yang amat popular kepada orang ramai. Populariti sukan bola sepak dunia menginspirasi semua lapisan masyarakat di Malaysia, tanpa mengira jantina, bangsa dan agama untuk terlibat dalam bola sepak sama ada bermain atau setidak-tidaknya mengambil tahu tentang bola sepak

### 1.7.5 Model

Model bermaksud seseorang atau sesuatu yang dapat dijadikan contoh untuk ditiru atau diikuti. Semasa pandemik ini, pemain seperti selebriti lain boleh menjadi contoh teladan. Mereka boleh menggalakkan aktiviti yang sesuai termasuk penjarakan sosial untuk membendung penularan virus melalui media sosial (HK Leng, 2022).

## 1.8 Rumusan Kajian

Kesimpulannya dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan dan menjelaskan beberapa perkara-perkara asas yang dijadikan sebagai garis panduan terhadap hala tuju penyelidikan ini. Kesemuanya meliputi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian yang ditekankan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bahagian objektif kajian, penyelidik telah melaksanakan perkara yang perlu dicapai pada akhir penyelidikan ini. Persoalan-persoalan kajian turut menetapkan berdasarkan objektif-objektif yang telah dipastikan terlebih dahulu agar persoalan kajian dengan objektif kajian selari. Penyelidikan ini turut menempatkan skop kajian agar ianya tidak tersasar daripada matlamat utama penyelidikan sebenar. Bab 2 seterusnya telah mementingkan kepada penerangan dengan lebih lanjut berkenaan kajian literatur untuk menyokong penyelidikan ini.